

# Nasihat MT tiada pertandingan Presiden, Timbalan

BH 1 8 FEB 2000

# Dr M yakin Ku Li akur

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis – Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya Tengku Razaleigh Hamzah akur dengan nasihat Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan pada pemilihan parti Mei ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri yang juga Presiden Umno menyambut baik pendirian Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu untuk tidak merebut jawatan berkenaan.

sebagai berkata beliau tiada rancangan untuk merebut jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno.

Pada 3 Januari lalu, MT Umno membuat keputusan supaya jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tidak dipertandingkan, iaitu mengekalkan Dr Mahathir dan memberi peluang kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menduduki kerusi Timbalan Presiden tanpa dicabar.

Mengenai pandangan supaya

## DI MUKA 2

- KU LI ULANG PENDIRIAN TIDAK BERTANDING
- MT TERIMA SEMULA MUHAMMAD
- UMNO TIDAK HE SARAWAK

“Kita sambut baik kenyataannya kerana dia juga ahli MT dan MT membuat keputusan secara sebulat suara bahawa jawatan-jawatan itu tidak akan ditandingi.

“Saya percaya dia akan pegang kepada kenyataan ini,” kata Dr Mahathir pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas laporan sebuah akhbar tempatan hari ini yang memetik Tengku Razaleigh

jawatan Timbalan Presiden ditandingi kerana ia kosong berikutan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada September 1998 dan Abdullah cuma menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden, Dr Mahathir berkata memang ada pendapat akar umbi seperti itu.

Beliau berkata, keadaan itu pernah berlaku ketika beliau menjalankan tugas Timbalan Presiden.

“Apabila Tun Hussein Onn melantik saya menjadi Timbalan

LIHAT MUKA 2

# Dr M nafi kempen pihak tertentu

DARI MUKA 1

BH 1 8 FEB 2000

Perdana Menteri, saya turut menjadi Naib Presiden Umno tetapi diberi layanan sebagai Timbalan Presiden Umno walaupun tidak memegang jawatan itu.

“Dan apabila datang masanya untuk kita membuat pilihan, maka saya menjadi calon tunggal dan tidak ada pertandingan dan saya terus jadi Timbalan Presiden Umno. Jadi bukan sesuatu yang luar biasa,” katanya.

Dr Mahathir juga menafikan kempen pihak tertentu bahawa beliau hanya mahu jawatan Presiden tidak ditandingi dan bukan jawatan Timbalan Presiden yang kononnya terbuka untuk perebutan.

“Bagi saya, ini tidak begitu menyenangkan kerana kononnya saya cuma nak jawatan Presiden tidak ditandingi tetapi (bersikap) terbuka berhubung jawatan Timbalan Presiden.

“Ini tidak benar sama sekali kerana ini adalah keputusan MT. Sebagai ahli MT, saya terikat dengan keputusan MT dan MT menasihatkan supaya tidak ada pertandingan untuk jawatan Presiden dan Timbalan Presiden. Ini bermakna saya juga menasihati supaya tidak ada pertandingan untuk dua jawatan itu.

“Amatlah mendukacitakan kerana kalau dikatakan saya bersejua jawatan Presiden ti-

dak ditandingi tetapi jawatan Timbalan Presiden saya bersikap terbuka, maknanya saya nak melindungi diri saya saja.

“Ini bukanlah hasrat saya dan adalah tidak benar sama sekali, kononnya saya mempunyai pendirian terbuka berkenaan jawatan Timbalan Presiden. Saya berpegang kepada keputusan MT iaitu kedua-dua jawatan ini tidak ditandingi dan ia adalah nasihat MT dan nasihat juga daripada saya,” katanya.

Dr Mahathir berkata, MT hari ini juga berbincang mengenai kegiatan pemilihan seperti kempen menjelang pemilihan dan berpuas hati bahawa kempen itu tidaklah

terlalu ghairah.

Mengenai kod etika pemilihan, Dr Mahathir mengingatkan bakal perwakilan ke perhimpunan Mei ini tidak menemui bakal calon untuk mendapat sesuatu dengan janji akan memberi sokongan atau mencalonkan mereka.

Sementara itu, Abdullah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, berkata mesyuarat memutuskan kod etika itu dihantar ke semua bahagian.

Abdullah turut menyenaraikan beberapa larangan dalam kod etika itu yang perlu dipatuhi calon dan perwakilan sebagai garis panduan menjelang pemi-

lian Mei ini iaitu:

- Tidak boleh beli undi atau pencalonan;

- Tidak boleh memberi hadiah kepada perwakilan;

- Tidak boleh menganjurkan atau membiayai kos perjalanan/pengangkutan/penginapan/makanan;

- Tidak boleh menganjurkan lawatan perwakilan;

- Tidak boleh mengeluarkan derma atau bantuan kepada perwakilan, bahagian atau cawangan sebaik tarikh mesyuarat agung di semua peringkat ditetapkan MT,

- Tidak boleh menganjurkan sebarang perhimpunan, pertemuan dan jamuan yang membabitkan perwakilan;

- Bagi perwakilan bahagi-

an/cawangan, mereka tidak boleh men&ma atau meminta sebarang bentuk derma, sumbu untuk penganjuran bahagian atau cawangan bagi calon atau wakil bersabit dengan kehadiran mereka pada mesyuarat yang akan diadakan;

- Bahagian atau cawangan juga tidak boleh menganjurkan pertemuan di antara perwakilan dengan seorang atau sebilangan calon;

Sebarang pencalonan di peringkat bahagian atau cawangan hendaklah mengikut keperluan perlembagaan; dan

Calon yang memegang jawatan dalam kerajaan atau swasta tidak boleh menyalahgunakan kuasa untuk mendapatkan undi.